

# Strategi WKB bantu tingkat pendapatan rakyat

Negara membangun pesat jika kemiskinan dapat ditangani: PM

Oleh Wan Faizal Ismayatim  
wfaizal@bh.com.my

**Putrajaya:** Golongan miskin akan beras ketidngatalan jika tidak menerima strategi yang digariskan kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 untuk meningkatkan pendapatan mereka, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada bantuan atau wang percuma daripada kerajaan, sebaliknya mesti berusaha untuk menambah pendapatan dengan memanfaatkan pinjaman kewangan atau latihan yang disediakan.

Katanya, Malaysia belum mencapai tahap negara maju, antara lain disebabkan jurang pendapatan yang luas antara golongan kaya dan miskin, serta antara golongan yang dilancarkan dengan

tuntutan agar semua pihak akan menikmati kekayaan negara, sudah tentu ada miskin dan kaya, tetapi jurang mereka tidak begitu jauh.

"Sebab itu WKB menjadi wawasan yang amat penting, tujuannya untuk mengurangkan jurang antara miskin dan kaya, antara satu kaum dengan kaum lain dan yang lebih utama golongan miskin perlu sambut kaedah yang ditentukan kerajaan untuk menolong mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri berkata, golongan miskin sebenarnya mempunyai peluang yang cukup untuk



Dr Mahathir berucap pada majlis perjumpaan bersama warga JPM yang turut dihadiri Dr Wan Azizah di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra di Putrajaya, semalam. (Foto Ahmad Ihsan Mohd Nasir)

**Kalau mereka berusaha sendiri dengan bantuan kerajaan seperti pinjaman modal, latihan berkaitan perniagaan dan sebagainya, saya yakin mereka yang miskin dapat menambah pendapatan.**

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

menambah pendapatan melalui pelbagai cara, khususnya berniaga.

Sebagai contoh, katanya, ramai pengusaha kain tudung dan makanan dalam botol sudah berjaya meningkatkan pendapatan dan ada antara mereka yang mampu bergelar jutawan.

"Inilah cara untuk atasi kemiskinan. Kalau mereka berusaha sendiri dengan bantuan kerajaan seperti pinjaman modal, latihan berkaitan perniagaan dan sebagainya, saya yakin mereka yang miskin dapat menambah pendapatan," katanya.

Dr Mahathir berkata, jurang kemiskinan yang meluas, termasuk antara kaum, boleh menyebelahkan negara berlepas huru-hara sepe-

ti yang berlaku di beberapa negara.

Beliau berkata, Malaysia bernasib baik kerana tidak berlaku revolusi dalam negara biarpun pada mulanya ada percubaan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat.

"Tetapi jurang antara yang miskin dan kaya serta antara kaum, amat tidak sihat dan mungkin boleh cetus huru-hara. Jika ini berlaku maka Malaysia akan lebih mundur.

"Kalau dapat kita tangani kemiskinan, maka negara kita dapat membangun dengan lebih pesat. Mungkin kita akan termasuk dalam senarai negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan China," katanya.